



**NOR AZIMA ABDUL MALEK** (dua dari kiri) bersama rakan dan anaknya mendaftar bagi menyertai *Fun Run* di gerai jualan Kumpulan *Utusan* sempena Pesta Konvokesyen UPM Ke-40 di UPM, Serdang, Selangor, semalam.

# UPM tawar pelbagai aktiviti menarik

**KUALA LUMPUR 21 Okt.** - Pelbagai aktiviti menarik akan diadakan di *booth* Utusan Melayu (M) Berhad (UMMB) sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-40 yang diadakan selama enam hari bermula semalam di Bukit Eskpo, UPM, di sini.

Eksekutif Pengurusan Jenama UMMB, Hazwan Hairul berkata, aktiviti yang ditampilkan pada tahun ini berbeza berbanding penganjuran tahun lepas dengan menampilkan lebih banyak program dan acara yang menarik.

Katanya, antara program disediakan adalah pertandingan memancing, *Fun Run*, pertandingan mewarna dan mini studio *Utusan* dengan menawarkan hadiah yang lumayan untuk dimenangi.

“Setakat ini, penyertaan bagi *Fun Run* dan pertandingan memancing antara yang mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai kerana mereka berpeluang memenangi RM3,000 bagi pertandingan memancing dan RM1,000 beserta piala bagi acara *Fun Run*.

“Bagi pertandingan memancing, 100 peserta terawal akan menerima kemeja-T eksklusif dan yuran penyertaan hanyalah RM30. Bukan itu sahaja, bagi acara *Fun Run*, 500 peserta terawal juga akan menerima kemeja *T-Dry Fit*; medal dan sijil penyertaan,” katanya di sini hari ini.

Tambahnya lagi, proses pendaftaran peserta untuk *Fun Run* dan pertandingan memancing masih lagi dibuka termasuklah pada hari pertandingan.

“Bagi kanak-kanak yang berusia tujuh sehingga 12 tahun akan diadakan satu pertandingan mewarna yang menawarkan hadiah utama iaitu wang tunai RM100.

“Setiap penyertaan dikehendaki membayar RM3 dan hendaklah diserahkan semasa hari pertandingan yang terhad kepada 500 peserta terawal,” katanya.

Menurut Hazwan, bagi yang ingin melakukan aktiviti bersama keluarga juga boleh mendaftarkan diri untuk menyertai mini *Xplorace*.

Untuk sebarang maklumat dan pertanyaan, orang ramai boleh melayari Facebook Pengurusan Jenama *Utusan Kosmo*.

